

Jenis Akhbar : Kosmo Online  
Tarikh : 12/04/2022  
Edisi / Muka Surat : [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)  
Tajuk : KUSKOP Sokong Sepenuhnya Sasaran ANGKASA Tubuh Bank Digital

## KUSKOP Sokong Sepenuhnya Sasaran ANGKASA Tubuh Bank Digital



NOH (berdiri kiri) bersama Abdul Fattah (berdiri kanan) beramah mesra dengan anak yatim dari Pusat Jagaan Darul Sakinah Damansara.

- 12 April 2022 @ 10:31 pm

PETALING JAYA – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyokong sepenuhnya usaha Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dalam menujuhkan bank digital.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya akan sentiasa membantu serta menyokong sasaran Angkasa dalam mendapatkan kelulusan lesen daripada Bank Negara bagi mewujudkan bank digital.

“PUSKOP menyokong sepenuhnya usaha Angkasa untuk menjadi bank digital dan saya berharap agar sasaran tersebut tercapai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Berbuka Puasa sempena Semarak Jubli Emas Angkasa dan Sambutan 100 Tahun Koperasi di sini hari ini.

Sementara itu, beliau memaklumkan KUSKOP juga menyasarkan 10 peratus daripada jumlah keseluruhan masjid di Malaysia dalam menujuhkan koperasi kariah masjid yang bertujuan menjadi sumber membekalkan produk halal kepada pengguna.

“Penubuhan koperasi kariah masjid berpotensi besar meningkatkan keterlibatan masyarakat khususnya umat Islam dalam platform niaga.

“Selain itu, ia dapat meningkatkan taraf hidup, melengkapai keperluan sosial dan berfungsi sebagai pusat ekonomi setempat,” ujarnya.

Tambah Noh, koperasi kariah masjid merupakan penyelesaian kepada permasalahan barang halal yang menjadi kegusaran masyarakat Muslim di negara ini.